

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA: 5(B)(XV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

7. Senaraikan semua tapak pasar malam dan pengendalinya di Seberang Perai.
- (a) Nyatakan jumlah penjaja pasar malam berlesen dan apakah tindakan untuk melesenkan semua penjaja?
 - (b) Sejajar dengan pengisytiharan penutupan pasar malam, apakah bantuan kerajaan terhadap penjaja-penjaja terlibat?
 - (c) Apakah pendekatan MBSP untuk meningkatkan kebersihan dan keselamatan makanan di pasar malam?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Setakat ini terdapat 92 buah tapak pasar malam di kawasan Seberang Perai. Senarai 92 buah tapak pasar malam dan penganjur yang mengendalikan tapak pasar malam di Seberang Perai adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Jumlah keseluruhan penjaja pasar malam yang berlesen di kawasan Seberang Perai adalah seramai 1,258 orang. Bagi penjaja pasar malam yang tidak berlesen, tindakan yang diambil oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk membantu penjaja untuk mendapatkan lesen adalah seperti berikut:
 - (i) Mengedarkan borang permohonan lesen penjaja kepada penjaja pasar malam di tapak ketika pemantauan dijalankan;

- (ii) Mensyaratkan kepada penganjur supaya hanya membenarkan penjaja berlesen sahaja dibenarkan menjalankan aktiviti penjajaan di pasar malam; dan
 - (iii) Mengambil tindakan penguatkuasaan seperti pengeluaran Notis Tawaran Kompaun dan notis-notis berkaitan termasuk tindakan penguatkuasaan terhadap penjaja yang tidak berlesen.
- (b) Berhubung dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan untuk mengawal penularan wabak COVID-19, Kerajaan Persekutuan telah mengarahkan supaya semua pasar malam ditutup. Sehubungan itu, bagi meringankan beban penjaja pasar malam, Kerajaan Negeri (KN) telah mengumumkan pemberian insentif sebanyak RM500.00 kepada penjaja pasar malam. Penyaluran tersebut hanya diberikan kepada penjaja pasar malam berlesen dan berstatus aktif sahaja.
- (c) Kebersihan dan keselamatan makanan di tapak pasar malam adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kesihatan Negeri. MBSP hanya memantau kebersihan di tapak sahaja. Tahap kebersihan di tapak juga mencerminkan tahap kebersihan makanan yang disediakan. Sehubungan itu, bagi memastikan kebersihan di tapak pasar malam sentiasa berada dalam keadaan memuaskan, MBSP telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:
 - (i) Membuat pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala di pasar-pasar malam berlesen di seluruh Seberang Perai;
 - (ii) Mensyaratkan kepada penganjur untuk melaksanakan program pengasingan sisa dipunca melalui penyediaan tong sampah yang boleh dikitar semula dengan tong sampah biasa di lokasi-lokasi strategik dalam pasar malam yang dianjurkan;
 - (iii) Memastikan penganjur melaksanakan kerja-kerja pembersihan tapak pasar malam selepas aktiviti pasar malam dijalankan;

- (iv) Mengambil tindakan pengeluaran notis tawaran kompaun sekiranya pemeriksaan mendapati penjaja tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan terutama dari aspek pengendalian makanan;
- (v) Membatalkan lesen penganjuran pasar malam sekiranya masih berlaku ketidakpatuhan syarat-syarat pelesenan; dan
- (vi) Mensyaratkan kepada penganjur pasar malam untuk menyediakan plastik sampah kepada peniaga-peniaga bagi tujuan pengasingan sisa di punca.

LAMPIRAN A

SENARAI PENGANJUR DAN TAPAK PASAR MALAM DI SEBERANG PERAI

BIL	NAMA PENGENDALI	NAMA /ALAMAT
1	MPKK Kepala Batas	Berhampiran Pasar Awam Lama, Kepala Batas
2	MPKK Kg. Tok Bedu	Bulatan Bandar Bertam Putra, Seksyen 6
3	JKKK Kota Aur	Simpang Tiga, Ptg Tok Brain, Penaga
4	MPKK Kampung. Selamat Utara	Jln Kg. Selamat, Tasek Gelugor
5	Persatuan Penaga Peniaga Melayu Penaga	Pasar Malam Penaga (Berhampiran Medan selera Lahar Endin)
6	JKKK Lahar Tiang	Bertam Perdana, Kepala Batas
7	FAMA	Tapak Rekreasi Vision Park
8	MPKK Pongsu Seribu	Jalan Seri Serdang
9	FAMA	Masjid Sri Serdang
10	Tunas Indah Enterprise	Tapak UPTOWN Bertam
11	MPKK Kuala Bekah	Kuala Bekah (Depan Balai Polis Penaga)
12	JKKK Padang Menora	Padang Menora
13	JKKK Alor Merah	Simpang Tiga Maklom
14	MPKK Sungai Dua	Taman Desa Murni
15	Persatuan Peniaga Kompleks Tasek Gelugor	Tempat Letak Kereta, Kompleks Tasek Gelugor
16	MPKK Bagan Ajam	Taman Tun Dr Awang
17	MPKK Tasek Gelugor	Pasar Malam Tasek Gelugor, Pokok Tampang
18	JKKK Simpang Empat Permatang Buloh	Simpang Empat Permatang Buloh
19	MPKK Pokok Sena	Jln Ptg Kerai Kechil, Kepala Batas
20	Persatuan Peniaga Kompleks Tasek Gelugor	Tempat Letak Kereta, Kompleks Tasek Gelugor (Pasar Karat)
21	MPKK Taman Bagan	Taman Bagan
22	MPKK Jln Mohd Saad	Jln Mohd Saad
23	JKKK Kg. Simpah	Rumah Pangsa Mak Mandin
24	JKKK Kg. Simpah	Taman Mesra, Bagan Lallang
25	MPKK Kampung Benggali	Lorong Bagan Luar 2, Butterworth
26	Persatuan Perayaan Yu Lan Apollo Raja Uda	Sekeliling Pasar Awam Apollo
27	Pertubuhan Pemerksaan Masyarakat P.Pinang	Pasar Pagi Penaga
28	Pertubuhan Urbanisasi Better Butterworth	Lorong Bagan Luar 1, Butterworth
29	Koperasi Aneka Taman Selat	Pasar Aneka Taman Selat Butterworth, SPU
30	MPKK Jalan Tenggiri	Jalan Tenggiri

31	MPKK MK 21, Guar Perahu	Pasar Malam Guar Perahu
32	MPKK Pmtg Tengah/Pmtg Pauh/Samagagah	Ampang Jajar
33	MPKK Kg Pelet	Penanti
34	MPKK Kg. Belah Dua	Pauh Indah
35	MPKK Kg. Belah Dua	Lebuh Pauh, Taman Desa Pauh
36	MPKK Mengkuang	Jalan Mengkuang
37	MPKK Kg Tok Elong	Kg. Tok elong
38	JKKK Jalan Tun Hussein Onn	Taman Sutera
39	JKKK Taman Sembilang	Taman Sembilang
40	Pertubuhan Gabungan SPT	Tapak Parkir Depan LHDN
41	MPKK Permatang Rawa	UPTOWN PERDA
42	JKKK Padang Lallang/ Sg. Rambai	Desa Damai
43	JKKK Perkampungan Berapit	Berapit
44	JKKK Bukit Teh, Bukit Mertajam	Bukit Teh
45	JKKK Permatang Tinggi	Jalan Pasar, Permatang Tinggi
46	MPKK Kampung Baru	Cangkat Damai/Lebuhraya Muhibbah (Taman Permata)
47	JKKK Tmn Machang Bubok	Jalan Machang Bubok
48	JKKK Taman Sukun	Jln Asas Murni 1
49	JKKK Taman Impian Jaya	Jalan Impian Ria 3
50	JKKK Taman Selamat	Sepanjang 130 kaki Pasar Awam Taman Selamat
51	Koperasi Nagarya Berhad	Persiaran Seri Impian, Alma
52	JKKK Taman Seri Rambai Fasa 1	Jalan Tembikai 8, Taman Tembikai
53	MPKK Taman Machang Bubok	Taman Machang Bubok
54	Encik Ang Tat Len	Lot 716, Jalan Usahaniaga (food truck)
55	MPKK Alma/Bukit Minyak	Alma
56	MPKK Perai	Taman Inderawasih, Perai
57	JKKK Kebun Sireh/ Bukit Tengah	Jalan Pengkalan Bukit Tengah
58	MPKK Kg Sekolah, Juru	Kg Sekolah, Juru
59	MPKK Kg. Sekolah, Juru	Taman Seri Delima, Juru
60	MPKK Jalan Pengkalan	Kaw.Lapang Berhampiran Blok R-W, N
61	JKKK Perkampungan Juru	Sebahagian Lot 153 dan Lot 154, Mukim 13, Perkampungan Juru
62	JKKK Taman Chai Leng	Jalan Baru, Perai
63	JKKK Kg.Telok/ Kg. Jawa/ Kg. Setol	Jalan Perai Jaya 5
64	MPKK Bukit Tengah	Depan rumah kedai Taman Bayu Mutiara
65	MPKK Perwira	Taman Perwira
66	Persatuan Penduduk Tmn Sri Janggus	Jln Sejahtera 1 & Lrg Sri Janggus 1
67	Northern Food Truck	Upcycle Park MBSP

68	Masjid Machang Bubok	Tanah Lapang Bersebelahan SK Machang Bubok
69	MPKK Kubang Semang	Ban Busuk, Kubang Semang
70	MPKK Simpang Ampat	Tmn Merak Jaya
71	JKKK Valdor	Jln 7, Kg. Valdor
72	MPKK Batu Kawan	Jln Batu Kawan Satu
73	JKKK Simpang Tiga	Pasar Malam Permatang Kling, Simpang Tiga, Nibong Tebal
74	JKKK Sri Ampangan	Pasar Malam Taman Pekaka
75	MPKK Bukit Panchor	Pasar Malam Taman Bersatu
76	JKKK Nibong Tebal	Pasar Malam Nbg Tebal Jaya
77	JKKK Kg Jawi	Pasar Malam Jln Sekolah, Kg Baru Jawi
78	JKKK Sg Jawi	Pasar Malam Desa Jawi
79	JKKK Sg Acheh	Pasar Malam Pekan Sg Acheh
80	JKKK Changkat Dain	Pasar Malam Jawi Indah (Depan Rumah Kedai 2 Tingkat)
81	JKKK Sg Duri	Pasar Malam Sg Duri
82	JKKK Sg Duri	Pasar Malam Sg Baong
83	JKKK Sg Bakap Selatan	Pasar Malam Jln Sentosa
84	MPKK Jln Stesen Sg Bakap	Pasar Malam Jln Stesen Sg Bakap
85	Surau Assobirin Tmn Widuri	Pasar Malam Taman Widuri
86	JKKK Bdr Tasek Mutiara (S)	Pasar Malam Bdr Tasek Mutiara (Pasaraya 800)
87	JKKK Bdr Tasek Mutiara (U)	Pasar Malam Bdr Tasek Mutiara (Berdekatan Pasar Awam Btm)
88	JKKK Kepala Gajah	Pasar Malam Tmn Puteri Gunung
89	MPKK Padang Lallang	Pasar Malam Tmn Pekatra Indah
90	MRZ Harapan Event Management	Uptown Pearl City Mall, Bandar Tasek Mutiara
91	MPKK Kampong Baru	Taman Kasawari
92	MPKK Simpang Ampat	Taman Tangling Indah